

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)

### ROUNDTABLE DISCUSSION "ISU DAN HALATUJU PENYELIDIKAN UNIVERSITI"

Institut Kejuruteraan Integrasi (I<sup>2</sup>E) telah menganjurkan Round Table Discussion bertajuk "Isu dan Halatuju Penyelidikan Universiti" pada 13 Jun 2017 bertempat di Dewan Jemaah, Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah. Perbincangan tersebut diadakan untuk mendapatkan input dari peringkat akar umbi mengenai halatuju penyelidikan, pengurusan dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan di universiti. Round Table Discussion telah dipengerusikan Profesor Dr. Yusri Yusof, menjalankan tugas sebagai Pengarah I<sup>2</sup>E. Turut hadir ialah Profesor Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), pengurusan ORICC serta staf-staf akademik fakulti.



### PENYELIDIK UTHM TERIMA GERAN PENYELIDIKAN CREST BERNILAI RM779,100

Penyelidik universiti, Profesor Madya Dr. Nafarizal Nayan daripada MiNT-SRC akan mengetuai satu projek penyelidikan bertajuk "Development of Highly Ionized Physical Vapor Plasmas System for Controlled III-V Compound Thin Film Deposition". Projek yang melibatkan kerjasama dengan beberapa penyelidik lain daripada Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan Nanorian Technologies Sdn. Bhd. Projek akan berjalan selama 36 bulan mulai September 2017. Sebanyak RM779,100 dana penyelidikan telah berjaya diperolehi dari pihak *Collaborative Research in Engineering, Science & Technology Center* atau lebih dikenali dana CREST. Projek ini merupakan pembentukan dana terbesar yang diterima oleh universiti sepanjang tahun 2017. Tahniah diucapkan kepada kumpulan penyelidik yang terlibat. Semoga projek penyelidikan berjalan dengan lancar serta berjaya mencapai objektif yang disasarkan.

